

Bahasa Inggeris dan DAYA SAING GLOBAL?

Dengan memetik data daripada *Statista*, Joe Myers dalam "Agenda" WEF menunjukkan bahawa bahasa Inggeris dituturkan paling meluas di seluruh dunia, dengan 1.5 bilion penutur. Oleh sebab kita semakin berhubung, maka bahasa Inggeris merampas kedudukan bahasa dominan komunikasi global, terutamanya melalui Internet. Dalam "*Which Languages are Most Widely Spoken?*" Myers menunjukkan bahawa bahasa Cina, yang merupakan bahasa rasmi di China, Taiwan, dan Singapura, menduduki tempat kedua, dengan jumlah 1.1 bilion orang penutur. Bahasa Hindi menduduki tempat ketiga, dengan 650 juta penutur. Kedua-duanya, iaitu bahasa Cina dan bahasa Hindi, mengatasi bahasa Inggeris dari penutur asli, dengan penutur asli terdiri daripada hanya 25 peratus daripada jumlah bilangan penutur bahasa Inggeris. Sementara itu, bahasa Sepanyol di tempat keempat, dengan 420 juta orang penutur, dan Perancis di tempat kelima dengan 370 juta orang penutur.

Beberapa bulan lalu, seperti yang dilaporkan, wujud usaha untuk mewujudkan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik (PPSMI). Hal ini tidak memeranjatkan sama sekali, kerana ada usaha mendesak kerajaan

mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris negara ini. Ketika makalah ini ditulis, 20 Oktober, dilaporkan dalam Facebook, berlangsung sidang media membantah usaha, mewujudkan semula PPSMI.

Tun Dr. Mahathir Mohamad yang memperkenalkan PPSMI pada tahun 2003, tidak berasa gembira tentang keputusan yang dibuat oleh Tan Sri Muhyuddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran pada tahun 2009 "untuk kembali mengajarkan kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Melayu mulai 2012." Mantan Perdana Menteri itu menyatakan pendiriannya dalam bukunya, *Doktor Umum: Memoir Tun Dr Mahathir Mohamad*, yang menurut beliau, perkara tersebut merupakan "satu kesilapan." Beliau juga tidak bersetuju dengan keputusan Tun Abdul Rahman Yaacob, Menteri Pelajaran selepas Peristiwa 13 Mei, yang mengubah sistem pendidikan, yang menurut beliau, merupakan "agenda politik, bukannya akademik".

Serangan Dr. Mahathir terhadap bahasa Melayu sebenarnya berlaku lebih awal, iaitu "pada tahun 1993, apabila beliau (Kabinet)," seperti yang dicatatkan oleh Zainuddin Maidin dalam bukunya, *Mahathir di Sebalik Tabir*, "membenarkan semula beberapa mata pelajaran Sains, Kejuruteraan, dan Perubatan diajarkan dalam bahasa Inggeris di pusat-pusat pengajian tinggi." Dari segi politik, langkah Dr. Mahathir dianggap sebagai usaha beliau untuk "mengacah-acah" Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang pada tahun itu dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Beberapa bulan lalu, iaitu awal Oktober, Pemandu (Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian), menjalankan kajian dalam talian, "Kajian Persepsi:

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes, seperti yang dilaporkan dalam *Malay Mail Online* pada 7 Oktober, menggesa rakyat Malaysia hari ini untuk bersuara dan menyertai kajian dalam talian yang dijalankan oleh Pemandu tentang pentingnya peningkatan penguasaan bahasa Inggeris.

Kepentingan Penguasaan Bahasa Inggeris" (*General Perception: Importance of English Proficiency*.) Bagi mereka yang pakar dalam bidang penyelidikan, pastinya kajian yang dijalankan oleh Pemandu itu tidak saintifik – sekadar setaraf dengan pemberita akhbar atau televisyen bertanyakan pendapat orang ramai yang mereka temui untuk mendapatkan pandangan mereka (orang ramai) tentang sesuatu isu atau perkara. Pastinya, pandangan orang ramai yang ditemui oleh pemberita itu tidak dapat mempengaruhi pendapat awam, apatah lagi untuk dijadikan asas dalam penggubalan dasar negara.

Memang sejak kebelakangan ini, banyak pihak atau agensi, terutamanya di luar negara yang menjalankan kajian dalam talian; satu contohnya, ialah ketika berlangsungnya pilihan raya umum di United Kingdom beberapa bulan lalu, peninjau pendapat yang terletak di Amerika Syarikat menjalankan tinjauan pendapat secara dalam talian. Akan tetapi, peninjau pendapat itu memilih sampel atau responden secara saintifik, bukan mempelawa orang ramai di United Kingdom masuk ke dalam talian mereka, seperti yang

dijalankan oleh Pemandu. Dengan kata lain, orang ramai yang menjawab kajian Pemandu itu tidak "mewakili" rakyat Malaysia, kerana hanya golongan tertentu, golongan yang mempunyai akses dengan Pemandu yang menyertai kajian itu. Justeru, walau apa-apa jua dapatan yang diperoleh kelak, dapatan itu tidak dapat dipertahankan, kerana pengkaedahannya tidak betul. Namun begitu, hal yang membimbangkan adalah sekiranya dapatan kajian memihak kepada bahasa Inggeris, dan Pemandu menggunakannya sebagai asas penggubalan dasar negara. Sekiranya kerajaan menggunakan dapatan kajian Pemandu yang memang tidak saintifik dalam menggubal dasar, sesungguhnya hal ini merupakan tragedi dalam sejarah pembentukan dasar negara di sebuah negara yang merdeka.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes, seperti yang dilaporkan dalam *Malay Mail Online* pada 7 Oktober, menggesa rakyat Malaysia hari ini untuk bersuara dan menyertai kajian dalam talian yang dijalankan oleh Pemandu tentang pentingnya peningkatan penguasaan bahasa Inggeris. Apabila Fernandes menggesa,

Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA pada 11 Oktober, memberikan jaminan sekolah aliran Cina dikekalkan. Seminggu kemudian, ketika merasmikan Persidangan Kebangsaan Parti Gerakan, memberikan jaminan bahawa pendidikan Cina akan terus wujud dan berkembang maju di negara ini, kerana hal ini dipersetujui dalam kontrak sosial.

maka sekali gus kajian Pemandu bersifat bias. Beliau juga dipetik sebagai berkata, "Malaysia hilang daya saing kerana kemerosotan standard dalam penguasaan bahasa Inggeris. "We can't run away from English. Its the global language" (Kita tidak dapat lari daripada bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris bahasa global"), ujar Fernandes melalui akaun Twitter beliau dalam beberapa ciak.

MalayMail Online juga melaporkan bahawa Fernandes "merayu semua rakyat Malaysia mengikut beliau dan mengajak mereka menyertai kajian Pemandu itu. Harap sebarakan dengan cepat dan meluas." Fernandes memberitahu bahawa AirAsia turut membantu kajian Pemandu ini. "Kita mahu rakyat Malaysia bangkit. Sudah tiba masanya majoriti senyap didengar." Demikian beliau "berkempen" untuk kajian Pemandu melalui Twitter sambil melampirkan imej kajian itu pada surat berita AirAsia. Dalam keghairahan Fernandes berkempen beliau lupa bahawa beliau merosakkan "ketulenan" kajian Pemandu itu. Lebih teruk lagi, beliau berselindung di sebalik kumpulan yang beliau sebut,

"majoriti senyap" seolah-olahnya pihak yang memperjuangkan bahasa Inggeris ialah golongan terbesar di negara ini.

Makalah tentang AirAsia menyatakan bahawa AirAsia percaya dan menyokong usaha kerajaan meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris di sekolah. "Dalam menyokong Pemandu, harap sertai kajian ringkas untuk belajar tentang tanggapan umum pentingnya kemahiran bahasa Inggeris. Hasil kajian ini akan menyumbang ke arah kebaikan negara ini." Pernyataan ke arah kebaikan negara ini, pastinya berlebihan dan mengelirukan, seolah-olahnya bahasa Inggeris dianggap "faktor mutlak" yang menentukan masa depan negara ini.

Akhbar dalam talian itu juga memetik kajian Pemandu, yang merupakan tinjauan pendapat tanpa nama yang mengemukakan soalan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, seperti: "Adakah anda mempertimbangkan beberapa mata pelajaran di sekolah diajarkan dalam bahasa lain, selain bahasa Malaysia?" Soalan lain menanyakan apakah mata pelajaran yang sepatutnya

diajarkan dalam bahasa Inggeris, dengan menyediakan opsyen, seperti Sains, Matematik, dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), atau Sejarah, Geografi, dan Kesenian. Walau bagaimanapun, kajian itu juga menanyakan: "Adakah anda fikir mengajar mata pelajaran lain dalam bahasa Inggeris akan mengurangkan pentingnya bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan kita?"

Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA pada 11 Oktober, memberikan jaminan sekolah aliran Cina dikekalkan. Seminggu kemudian, ketika merasmikan Persidangan Kebangsaan Parti Gerakan, memberikan jaminan bahawa pendidikan Cina akan terus wujud dan berkembang maju di negara ini, kerana hal ini dipersetujui dalam kontrak sosial. Meskipun terdengar desakan di sana sini supaya kerajaan mewujudkan sekolah satu aliran di negara ini, kerajaan nampaknya "setia" pada kontrak sosial. Namun begitu, kita jarang-jarang mendengar, bahkan langsung tidak mendengar jaminan pucuk pimpinan negara untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan.

Berbalik kepada kenyataan Tony Fernandes bahawa "Malaysia hilang daya saing kerana kemerosotan standard dalam penguasaan bahasa Inggeris", memang mengelirukan dan beliau seakan-akan tidak merujuk sumber yang autoritatif. Lazimnya, untuk daya saing global sesebuah negara, orang, termasuk beberapa pemimpin Malaysia, merujuk laporan tahunan Forum Ekonomi Dunia (*World Economic Forum* atau ringkasnya, WEF), yang pada 30 September lalu, menerbitkan *The Global Competitiveness Report 2015-2016*. Laporan terbaharu

ini tersebar dalam media sosial, Facebook, justeru, agak daif untuk mengatakan bahawa Fernandes tidak mengetahuinya. Daripada 140 buah ekonomi, laporan itu menunjukkan Malaysia menduduki tangga ke-18 (meningkat dua tangga), atau dengan kata lain, tergolong dalam 20 teratas. Menurut ringkasan laporan tersebut, Malaysia meningkat untuk tahun keempat berturut-turut dalam kalangan ekonomi berdaya saing dan Malaysia kekal penarafan tertinggi dalam kalangan ekonomi Asia membangun. Malaysia menduduki senarai 50 teratas setiap 12 tonggak, mencatatkan prestasi paling kuat dalam kecekapan pasaran barang (tempat keenam) dan pembangunan pasaran kewangan (tempat kesembilan, meskipun jatuh lima tangga tahun ini). Menurut laporan itu lagi, Malaysia meningkat dalam kebanyakan tonggak.

Sebaik-baik sahaja WEF mengeluarkan laporan terbaharu ini, menurut laporan akhbar tempatan, ada menteri yang melompat keriangannya kerana kedudukan Malaysia semakin baik jika dibandingkan dengan tahun terdahulu. Justeru, untuk mengatakan Fernandes tidak sedar akan adanya laporan ini, seolah-olah tidak masuk akal. Barangkali beliau merujuk sumber lain untuk mengatakan Malaysia kehilangan daya saing. Sekiranya beliau berkesempatan melihat laporan WEF itu, diharapkan beliau tidak mengaitkan kedudukan Malaysia yang semakin baik kerana faktor bahasa Inggeris. Hal ini demikian kerana bagi pendukung bahasa Inggeris, mereka cenderung mengaitkan dengan bahasa Inggeris sekiranya laporan kajian antarabangsa menunjukkan kedudukan Malaysia semakin baik; sebaliknya, jika kedudukan

Di negara ini, akhbar *The Star* begitu beria-ria menegakkan bahasa Inggeris, dan boleh dikatakan pendukung bahasa Inggeris berkubu dalam akhbar itu.

Malaysia merosot, maka mereka mengaitkannya dengan bahasa Melayu. Satu contoh lagi, ialah laporan kemerosotan penguasaan pelajar Malaysia dalam mata pelajaran Sains dan Matematik pada peringkat antarabangsa. Tanpa melakukan kerja rumah, mereka mengeska kerajaan meneruskan PPSMI, padahal ketika kajian itu dijalankan para pelajar kita dididik dalam PPSMI!

Kekeliruan juga berlaku pada peringkat menteri atau timbalan menteri; sekiranya mereka ingin berbangga dengan pencapaian ekonomi Malaysia, maka antaranya mereka menunjukkan kadar pengangguran yang rendah, iaitu sekitar tiga peratus. Namun begitu, apabila mereka ingin menekankan pentingnya penguasaan bahasa Inggeris, mereka tanpa segan-silu merujuk kepada pengangguran yang wujud di negara ini untuk memberikan kewajarannya.

Di negara ini, akhbar *The Star* begitu beria-ria menegakkan bahasa Inggeris, dan boleh dikatakan pendukung bahasa Inggeris berkubu dalam akhbar itu. Akhbar itu mencari apa-apa sahaja alasan supaya bahasa Inggeris

diberikan keutamaan, dengan mengemukakan kelemahan rakyat Malaysia menguasai bahasa itu. Beberapa tahun lalu, akhbar itu membesar-besarkan penggunaan bahasa Inggeris dalam laman Web Kementerian Pertahanan, yang diterjemahkan secara harfiah daripada bahasa Melayu. Dalam keluaran 22 Julai tahun ini, *The Star* muncul pada halaman depan, "We Must Mind Our English," dengan halaman dua mendedahkan kelemahan tatabahasa dalam buku kerja Sains dan Matematik. Penerbit mengesahkan soalan yang dikemukakan itu dipetik secara langsung daripada kertas peperiksaan. Sepatutnya, perkara ini tidak dibesar-besarkan kerana sejak dahulu lagi pihak berkuasa tidak menggalakkan ibu bapa menggunakan buku kerja, bahkan ada sesetengah penerbit buku kerja diragui keupayaan mereka, dan motif utama mereka, "bikin duit," tanpa mementingkan aspek kualiti. Lagipun, bukan sahaja kelemahan tatabahasa bahasa Inggeris, kelemahan tatabahasa bahasa Melayu tidak kurangnya dalam sesetengah buku kerja, dan bahkan lebih teruk.

Pada halaman dua juga muncul, "Make English Our Top Priority," Says CIMB Chairman," menunjukkan tokoh korporat menyertai gesaan segera supaya bahasa Inggeris diberikan keutamaan. Pengerusi Kumpulan CIMB, Datuk Seri Nazir Razak dipetik sebagai menulis dalam *Instagram*: "Bahasa Inggeris bahasa global dan sebagai negara kita sepatutnya mengisytiharkan kemahiran bahasa Inggeris sebagai keutamaan kita."

Walaupun bagaimanapun, dalam kitaasubannya menegakkan bahasa Inggeris dan aliran Inggeris akhbar itu bermati-matian mempertahankan sekolah aliran Cina, bahkan "satu inci" pun tidak diberikan laluan kepada bahasa Inggeris! DB